

# Pembantu penguat kuasa dijel tiga tahun

**SHAH ALAM:** Seorang Pembantu Penguatkuasa Kawal Selia Padi dan Beras Selangor dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM2.34 juta oleh Mahkamah Tinggi, di sini semalam.

Keputusan itu dibuat mahkamah berkenaan selepas mendapati mahkamah sesyen terkhilaf dalam memutuskan keraguan munasabah tiga pertuduhan pilihan menerima rasuah hampir RM500,000, berhubung kuota beras SST, tujuh tahun lalu.

Hakim Datuk Abd. Halim Aman dalam penghakimannya berkata, mahkamah mendapati terdapat elemen-elemen pertuduhan yang berjaya dibuktikan terhadap tertuduh, Ibrahim Mat Amin, 62, di bawah Seksyen 16(a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2019.

Katanya, tertuduh gagal untuk mematahkan anggapan di bawah Seksyen 50 Akta yang sama.

Bagi pertuduhan pertama,

tertuduh dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan denda RM300,000 dan jika gagal membayar denda, dia dikenakan hukuman penjara enam bulan.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, dia dijatuhi hukuman penjara masing-masing tiga tahun dan denda RM1.02 juta dan jika gagal bayar 10 atau 18 bulan penjara.

Kesemua hukuman penjara itu diarah dijalankan bermula dari tarikh jatuh hukum semalam.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga ketiga, Ibrahim sebagai pegawai badan awam menerima suapan RM468,000 daripada Pengarah Thai Hong Chan (KL) Sdn. Bhd., Ter Thian Tin, sebagai upah telah membantu syarikat itu mendapatkan kuota beras ST 15 berjumlah 1,500 tan metrik bagi bulan Oktober, November dan Disember, 2015 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.